

KESEDARAN TERHADAP ISU PENGAWASAN SEWAKTU MENGGUNA APLIKASI MEDIA SOSIAL

(Awareness towards the issue of surveillance in using Social Media applications)

Mohd Azul Mohamad Salleh, Ali Salman & Nurul Madiha Mohd Ilham

ABSTRAK

Teknologi Web 2.0 memberi impak yang signifikan dalam pembangunan teknologi komunikasi dan aplikasi Web yang lebih mesra pengguna. Revolusi perkakasan teknologi komunikasi juga merencanakan lagi pembangunan aplikasi jaringan sosial yang membolehkan pengguna berinteraksi dengan lebih mudah dan cepat. Pembangunan aplikasi media sosial seperti Facebook, Whatsapp, Instagram dan Twitter ini memberi kesan kepada pengguna dalam pelbagai aspek seperti pengawasan sosial. Tujuan kajian ini adalah untuk membincangkan kesedaran dan kefahaman pengguna terhadap pengawasan sosial melalui aplikasi media sosial. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kaedah temubual mendalam dan kumpulan fokus. Hasil kajian mendapati pengguna mempunyai kesedaran terhadap kepentingan dan impak media sosial. Kajian juga mendapati, mereka juga menggunakan media sosial untuk mengawasi maklumat yang dikongsi oleh rakan bagi mendapat maklumat yang terkini dan sebagainya. Selain itu, pengguna juga sedar kepentingan literasi tentang keselamatan dan privasi apabila berkongsi maklumat peribadi mereka dalam media sosial. Oleh itu, kajian ini akan menilai dalam skop yang lebih besar melalui kaedah kuantitatif pada masa hadapan.

Kata kunci: kesedaran, isu pengawasan, aplikasi media, media sosial, literasi

ABSTRACT

Web 2.0 technologies bring significant impact to the development of communication technology and more user-friendly web applications. The revolution of hardware and communication technology also boosts the development of social networking applications that enable users to interact more easily and quickly. The development of social media applications such as Facebook, WhatsApp, Instagram and Twitter give some impact to the user in various aspects such as social surveillance. The aim of this study is to discuss the awareness and understanding of the social surveillance through social media applications. This study used qualitative approaches such as in-depth interview and focus group discussion. The study shows that users are aware of the importance and impact of social media. The study also reveals that, users are also using social media to monitor information shared by their friends in order to get the latest information and so on. In addition, users are aware of the importance of literacy with regard to security and privacy when sharing their personal information on social media. Therefore, this study will examine the issues in a larger scope through quantitative approach in the future.

Keywords: awareness, surveillance issues, media applications, social media, literacy

PENGENALAN

Agenda Rancangan Malaysia ke Tujuh negara telah mengetengahkan agenda teknologi maklumat dan komunikasi sebagai hala tuju masyarakat mengharungi era abad ke 21. Pembentukan Majlis Kebangsaan Teknologi Maklumat (NITC) dan pembinaa kerangka Koridor Raya Multimedia (MSC) telah merealisasikan faedah teknologi maklumat dan komunikasi. Salah satu objektif pembentukan MSC adalah untuk membina sebuah masyarakat jaringan Internet yang berteraskan kepada ilmu pengetahuan pada tahun 2020.

Kewujudan Internet dan Web 2.0 telah memberi peluang kepada pengguna untuk aktif berinteraksi bukan sahaja dengan aplikasi di Internet, malah juga dengan pengguna yang lain. Pelbagai aplikasi yang telah dibentuk secara percuma atau berbayar di Internet dipercayai melengkapkan aspirasi negara bagi mentransformasikan proses komunikasi serta perkongsian maklumat. Selain itu membentuk sebuah masyarakat abad ke 21 yang baharu, iaitu masyarakat digital atau masyarakat jaringan. Menurut Castells (Castells, 2000), masyarakat jaringan merujuk kepada struktur asas masyarakat yang berkait rapat dengan masyarakat bermaklumat yang menggunakan infrastruktur ICT untuk melaksanakan kerja harian mereka.

Pelbagai aplikasi Web 2.0 telah dibangunkan oleh individu atau organisasi tertentu untuk menyediakan platform kepada masyarakat untuk berkomunikasi dan berinteraksi. Sebagai contoh, Web 2.0 telah menyediakan aplikasi media sosial yang memberi peluang kepada pengguna untuk bersosial secara maya seperti Facebook, Friendster, Myspace, Instagram, Youtube dan sebagainya. Pengguna berkongsi pelbagai maklumat dalam bentuk teks, grafik, audio dan video melalui media sosial dimana aplikasi ini menjadi medium yang menyokong supaya maklumat dapat dibaca, dilihat, didengar dan ditonton oleh pelbagai latarbelakang pengguna dengan pantas.

Kehadiran teknologi telekomunikasi dan infrastuktur komunikasi tanpa wayar serta telefon pintar membuka lebih luas lagi jaringan yang menghubungkan seseorang pengguna dengan pengguna yang lain. Impak dari perkembangan perkakasan dan peralatan pintar yang boleh

mengakses Internet telah menyediakan satu platform perkongsian maklumat dalam satu jaringan yang cukup besar. Setiap pengguna dapat membaca, berkongsi dan mengetahui apa yang dipaparkan, aktiviti serta perkembangan seseorang pengguna yang lain di media sosial tertentu (Andrews 2011).

Isunya disini, sejauhmana pengguna aplikasi media sosial mempunyai kesedaran, kefahaman dan pengetahuan bahawa ada pengguna lain sedang memerhati apa yang mereka kongsi, apa yang mereka sedang lakukan dan sebagainya. Kajian awal ini cuba mendasari dan memahami isu pengawasan sosial yang wujud dalam aplikasi media sosial dalam kalangan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia.

ISU PENGAWASAN MELALUI APLIKASI MEDIA SOSIAL

Pada masa kini aplikasi media sosial telah menjadi satu saluran penting dalam kalangan pengguna untuk berinteraksi dan berkomunikasi dengan lebih mudah, cepat dan efisien terutamanya Generasi-Y. Pada masa kini, generasi muda di Malaysia banyak menggunakan media baharu dan teknologi terkini dalam kehidupan harian untuk kegiatan sosial, ekonomi dan politik. Penggunaan aplikasi media baharu ini mendedahkan masyarakat kepada kepentingan media dan komunikasi dalam kehidupan seharian mereka

Andrews (2011) dalam bukunya yang berjudul "*I know who you are and I saw what you did*" menyatakan aplikasi media sosial banyak memberi peluang kepada pengguna atau individu tertentu mengetahui apa aktiviti yang sedang dijalankan atau dilaksanakan oleh seseorang pengguna lain. Selain itu, media sosial juga memberi ruang kepada pengguna untuk berkongsi, mencapai dan menyebarkan maklumat untuk tujuan tertentu.

Isu yang ingin disuarakan adalah sejauhmana pengguna aplikasi media sosial menyedari maklumat yang dikongsi itu telah dilihat oleh pengguna lain, dikongsi kepada pengguna lain dan disimpan oleh pengguna lain untuk tujuan-tujuan tertentu? Adakah pengguna menyedari ada pengguna lain sedang memerhati aktiviti mereka sewaktu mereka *online* dalam aplikasi media

sosial tertentu? Pengguna mungkin tidak menyadari wujudnya budaya pengawasan secara digital atau pengawasan sosial apabila mereka berada di dalam sesuatu media sosial yang membawa impak yang positif dan negatif.

Kajian impak sosial media kepada pelbagai tahap pengguna telah banyak dikaji oleh penyelidik dalam dan luar negara. Contohnya, penyelidik dalam negara seperti Afendi Hamat, Mohamed Amin & Haslinda (2012), Farrah Dina Yusop & Melati Sumari (2013) dan Adam Mahamat Helou & Nor Zairah Ab. Rahim (2014) mengkaji pengguna media sosial dalam kalangan pelajar dan belia tetapi tidak memberi penekanan dalam aspek pengawasan dan keselamatan.

Penggunaan sesuatu aplikasi media sosial ini banyak memberi impak kepada individu kerana jaringan digitalnya yang cukup besar dan luas untuk mengubah corak perhubungan dan komunikasi masyarakat masa kini. Aplikasi media sosial memberi ruang kepada pengguna untuk membangunkan kandungan kreatif masing-masing, berkongsi pelbagai bentuk mesej seperti teks, grafik, audio dan video.

Zurawski (2005) telah menyatakan bahawa pengawasan merupakan satu aspek yang penting untuk dinilai apabila seseorang individu menggunakan sesuatu teknologi. Beliau juga menyuarakan isu, sejauhmana pengawasan menggunakan teknologi boleh mengawal pelbagai aktiviti, mendapat maklumat serta menilai aktiviti seseorang individu pada masa kini? Persoalan disini juga adalah, adakah wujud satu kuasa yang membenarkan individu mengawal aktiviti individu selain dari CCTV yang dipasang pada sesebuah bangunan?

Selain itu, Goldsmith dan Wu (2008) juga menyuarakan satu persoalan yang cukup besar, iaitu siapakah yang mengawal Internet sebenarnya dalam dunia digital dan tanpa sempadan ini? Dalam aspek ini sebenarnya, seseorang pengguna boleh mencari maklumat dan aktiviti seseorang individu, indentiti dan sebagainya apabila aplikasi media sosial dihubungkan dengan satu jaringan yang besar (Ansdraws 2011). Fuchs (2012) juga menekankan wujudnya hubungan di antara teknologi komputer, Internet dan Web 2.0 dengan konsep pengawasan, dan memberi kesan serta implikasi kepada pengawasan Internet dalam ekonomi, politik dan sosial.

Allmer (2011) menekankan kepentingan kajian pengawasan dalam masyarakat bermaklumat dan ekonomi moden pada masa kini. Marwick (2012) dalam penulisannya menyatakan pengguna begitu mudah untuk mendapat maklumat peribadi pengguna yang lain melalui aplikasi jaringan sosial seperti Twitter, Facebook dan Foursquare. Ini menunjukkan pengkaji-pengkaji di atas berpendapat konsep pengawasan telah wujud dalam dunia digital masa kini untuk memantau aktiviti sosial sesebuah masyarakat dan seseorang individu.

Kajian ini cukup signifikan untuk membantu pengkaji menambah pengetahuan serta hasil kajian baharu dalam aspek pengawasan sosial, terutamanya dalam kalangan pengguna aplikasi media sosial di Malaysia. Kajian ini juga dapat memahami sejauhmana pengguna mengetahui wujudnya pengawasan sosial sewaktu mereka mengguna aplikasi media sosial sewaktu berkongsi isi hati, pendapat, ilmu dan sebagainya. Oleh itu, isu ini wajar dibincangkan atau dikaji untuk merungkai kefahaman dan kesedaran aspek pengawasan apabila bersosial dalam aplikasi media sosial masa kini.

METODOLOGI

Kajian awal ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui dua keadah kutipan data utama iaitu temubual secara mendalam dan kumpulan fokus. Kaedah temubual secara mendalam digunakan untuk mendapat maklumat secara terperinci berkaitan dengan kesedaran dan pengetahuan informan dalam aspek pengawasan melalui aplikasi media sosial yang digunakan oleh mereka. Informan dalam kaedah ini dipilih menggunakan persampelan “snow ball” yang terdiri daripada 6 orang pelajar dari pelbagai latarbelakang seperti jantina, umur, dan bidang pengajian.

Selain itu, kaedah kumpulan fokus juga penting untuk mendapat maklumat secara lebih terperinci secara berdiskusi dengan lebih interaktif bersama beberapa orang informan yang lain. Kaedah ini penting untuk memahami dan mendapat maklumat berkaitan dengan kesedaran dan pengetahuan pengguna dalam aspek pengawasan sosial secara lebih interaktif. Informan dalam kaedah ini dipilih seramai 6 orang untuk setiap kumpulan mengguna kaedah persampelan secara

rawak mudah dari kalangan pelajar yang mengguna sekurang-kurangnya satu aplikasi media sosial.

Proses temubual mendalam dan kumpulan fokus dikendalikan oleh ketua penyelidik, dan direkod mengguna perkakasan digital audio. Data-data audio ditranskripsi ke dalam bentuk teks untuk dianalisis mengguna perisian NVivo mengikut tema yang diperlukan bagi menjawab persoalan atau objektif kajian.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan hasil kajian temubual mendalam dan kumpulan fokus dalam kalangan pelajar IPT dari aspek jenis media sosial yang digunakan, tujuan penggunaan, kesedaran berkaitan dengan pengawasan dan implikasinya apabila mengguna aplikasi media sosial. Secara majoritinya informan mengguna aplikasi media seperti Facebook, Whatsapp, Wechat, Instagram, dan Twitter. Contohnya informan menyatakan:

“...contoh-contoh media sosial yang saya guna ialah.. ah, terutamanya ialah Facebook. Ahh, saya juga ada guna Whatsapp...”(IPT1)

“...terlibat dalam beberapa program terutamanya di kolej kediaman, so melalui Facebook dan juga Twitter, kemudian melalui line dan juga Instagram...”(IPT2)

“...contoh media sosial yang saya gunakan adalah Facebook aa.. dan Whatsapp”(IPT3)

Kajian menunjukan hanya beberapa aplikasi media sosial sahaja yang menjadi kegemaran pelajar pengajian tinggi seperti Facebook, Whatsapp, Twitter dan Instagram. Aplikasi media sosial ini menjadi keutamaan pengguna kerana ia membolehkan pengguna menghantar maklumat, berkongsi gambar dan sebagainya dengan cepat dan mudah. Informan IPT3 menyatakan:

“...melalui media sosial kita boleh dapat maklumat secara lebih laju berbanding daripada media-media lain lah...” (IPT3)

Tujuan Penggunaan Media Sosial

Penggunaan aplikasi media sosial dalam kalangan mereka pula melibatkan beberapa aspek yang berkaitan dengan kerja dan tugas harian sebagai seorang pelajar. Majoriti informan menyatakan mereka mengguna aplikasi media sosial untuk tujuan berkomunikasi, mendapat berita terkini dan berkongsi maklumat dengan orang lain. Sebagai contoh, informan IPT1 menyatakan beliau menggunakan aplikasi media sosial untuk berkomunikasi.

“...tujuan saya pertama adalah, erm...saya diguna...saya menggunakan media sosial untuk berkomunikasi dengan orang lain...” (IPT1)

Selain itu, pengguna aplikasi media sosial juga menyatakan dari aspek yang lebih penting iaitu mencari serta mendapat berita tentang isu-isu semasa di Malaysia dan juga luar negara seperti yang dinyatakan oleh informan IPT6 dan IPT4.

“Arr...saya lebih guna twitter mostly untuk cari news lah, news, pasal sosial ke, Malaysia. Selain daripada tu, whatsapp memang selalu pakailah untuk berbual dengan kawan...” (IPT6)

“...just get to know the issue-issue yang berlaku dalam negara kita and then luar negara...” (IPT4)

Dalam urusan pengajaran dan pembelajaran pula, aplikasi media sosial menjadi saluran untuk pensyarah atau rakan-rakan menyampaikan maklumat atau menerima maklumat berkaitan dengan kursus. Penggunaan aplikasi media sosial dalam pengajaran dan pembelajaran telah diadaptasi oleh kebanyakan pensyarah untuk memudahkan perkongsian maklumat serta penyampaian sesuatu mesej. Penggunaan aplikasi ini menjadi lebih meluas kerana kebanyakan pelajar IPT mempunyai telefon pintar dan akaun aplikasi media sosial. Contohnya, informan IPT7 menyatakan beliau menggunakan Whatsapp untuk memperoleh dan berkongsi maklumat berkaitan dengan kuliah atau kelas bagi sesuatu kursus.

“Kalau whatsapp tu macam ada whatsapp group class macam post yang penting, macam kelas ganti ke...kelas cancel ke...” (IPT7)

Dalam aspek bersosial, mereka juga menggunakan aplikasi media sosial untuk menambah jaringan dengan mencari maklumat rakan, berkongsi pengalaman dan ilmu dalam pelbagai aktiviti yang mereka terlibat serta membuat promosi sesuatu aktiviti yang dianjurkan

oleh pihak universiti. Informan IPT 2 menyatakan beliau mengguna aplikasi media untuk tujuan tersebut.

“...menggunakan media sosial yang pertama ialah untuk, ahh.. menambah, ahh.. jaringan ataupun kawan ataupun...yang kedua untuk, ahh.. berkongsi pengalaman ataupun ilmu, dan yang ketiga, ahh.. sebagai bentuk promosi lah, dalam apa-apa aktiviti ataupun kegiatan-kegiatan yang sifatnya baik ataupun perniagaan-perniagaan...”(IPT2)

Oleh itu, kajian ini menunjukkan pengguna dalam kalangan pelajar universiti menggunakan aplikasi media sosial untuk tujuan aktiviti harian mereka sebagai seorang pelajar, bersosial dan mencari jaringan dalam dan luar negara kerana proses pencarian maklumat dan komunikasi adalah mudah dan cepat.

Kesedaran Terhadap Pengawasan

Bahagian ini membincangkan aspek kesedaran pengguna media sosial terhadap isu pengawasan yang boleh dilaksana melalui aplikasi media sosial. Majoriti informan mengetahui dan mempunyai kesedaran bahan setiap pengguna boleh membuat pengawasan terhadap pengguna yang lain melalui aplikasi media sosial. Sebagai contoh, informan IPT1, IPT2 dan IPT5 menyatakan beliau dapat merasakan ada individu lain atau kawan yang membuat pengawasan apa yang beliau nyatakan didalam aplikasi media sosial.

“Saya rasa...untuk saya...mereka mengawasi saya. Ambil gambar lama-lama kan, so sekarang dah satu tahun dua tahun, mereka like yang benda tu dulu.” (IPT5)

“Sedar. Ahh, kita sedar maksudnya ada yang memantau kita dalam untuk menerbitkan apa-apa maklumat yang kita berikan...” (IPT2)

“...saya pernah dengar tentang berita ini daripada kawan saya, mereka.. semasa mereka post benda, ahh.. post, erm.. apa-apa di dalam Facebook, tiba-tiba maklumat mereka yang post sudah, ahh.. ditukar tetapi mereka tidak tahu kenapa, so saya rasa kemungkinan ini ialah Facebook mereka sudah dipantau oleh orang lain.” (IPT1)

Pengguna yang mempunyai kesedaran terhadap pengawasan sosial ini memberi penjelasan bahawa isu memberi impak sosial kepada individu yang mengguna aplikasi media

sosial sekiranya tidak berhati-hati terutamanya aspek keselamatan diri, keluarga dan harta benda mereka. Sebagai contoh, informan IPT3 menyatakan isu pengawasan ini memberi kesan seperti:

“Dia sepatutnya tak perlu meletakkan maklumat tersebut la, sebab dia akan menjejaskan keselamatan arr mereka, menjejaskan keselamatan keluarga mereka” (IPT3)

Kajian ini membuktikan bahawa kebanyakan pengguna aplikasi media sosial mempunyai kesedaran terhadap isu pengawasan, serta kesan atau impaknya kepada individu yang menggunakannya.

Impak Positif Pengawasan

Kajian ini menunjukkan majoriti pengguna aplikasi media sosial mengetahui impak penggunaannya dari segi pengawasan. Pengguna menyatakan kepentingan pengawasan melalui aplikasi media sosial adalah untuk mendapat maklumat dan aktiviti terkini yang dilakukan oleh kawan atau ahli keluarga. Seseorang pengguna boleh memantau aktiviti terkini yang dilaksanakan oleh pengguna yang lain seperti yang dinyatakan oleh informan IPT9.

“Arr..kebaikan bagi saya arr..emm..kejap eh..kawan saya boleh tahu saya..errr the latest news pasal sayalah...” (IPT9)

Selain itu, pengawasan melalui media sosial membolehkan pengguna yang lain mengetahui status terkini rakan, ahli keluarga atau individu yang dikenali dengan cepat dan pantas. Sebagai contoh, seseorang pengguna dapat mengetahui keselamatan atau status terkini kawan mereka dengan mudah seperti yang diperkatakan oleh informan IPT 2 & IPT3:

“...merupakan sesuatu yang bagus la contohnya kalau arr contoh terjadi apa-apa ke so arr lagi senang la untuk di attack siapa yang arr hilang ke apa ke, terlibatkan kemalangan ke so lagi senang la kalau ada pemantauan.” (IPT3)

“Ahh... saya rasa, ahh...baik sebab memberikan penjelasan terutama tentang diri kita lah dan dia ada apa-apa yang kita lakukan terutama semasa belajar. Jadi, mereka akan lihat bagaimana penglibatan kita semasa belajar dan apa-apa pengalaman yang kita dapatkan semasa belajar.” (IPT2)

Dalam aspek yang lain, pengguna mendapati pengawasan sosial melalui aplikasi media sosial ini memberi keyakinan bahawa ada insan atau individu yang lain mengambil berat tentang diri mereka. Kajian ini juga membuktikan bahawa, pengguna merasakan diri mereka tidak berseorangan sewaktu berada atau berkomunikasi secara dalam talian atau didunia maya seperti yang dinyatakan oleh informan IPT1.

“...ada orang komen tu maksudnya mereka akan, ada kawan lagi yang mengambil berat kamu. Kamu tidak rasa kamu adalah bersendirian di tempat... ya.” (IPT1)

Implikasi Negatif Pengawasan

Penggunaan aplikasi media sosial untuk pengawasan juga memberi impak dan implikasi yang negative kepada pengguna. Kajian ini mendapati majoriti pengguna menyatakan aspek pengawasan melalui aplikasi media sosial juga memberi implikasi negatif terutamanya dari segi privasi maklumat dan keselamatan pengguna. Sebagai contoh, informan IPT3 & IPT7 menyatakan:

“...so macam keburukan tu macam dia selalu awasi kita kan, kita rasa macam dia dah masuk hak privasi kitalah...” (IPT7)

“...so keburukannya adalah kita akan sentiasa diawasi so maklumat tu lagi senang keluar so untuk arr privasi kita tak ada lah” (IPT3)

Selain dari itu, pengguna juga lebih risau tentang keselamatan diri mereka, ahli keluarga serta harta benda. Mereka risau sekiranya maklumat yang dikongsi didalam aplikasi media sosial memberi maklumat kepada pihak-pihak tertentu untuk aktiviti yang tidak baik seperti pecah rumah, penculikan dan sebagainya. Sebagai contoh, informan IPT3 dan IPT4 menyatakan mereka risau berkaitan dengan keselamatan rumah dan harta benda.

“...so contoh lah kita dah keluar rumah, dia dah keluar dia awasi kita so dia boleh call kawan dia bagi tahu yang orang tu tak ada kat rumah, boleh pecah masuk ke apa-apa, macam tu lah...” (IPT3)

“...kalau keburukan tu ok contohnya kita pergi tempat luar..dengan keluarga..and then kadang-kadang orang lain boleh tahu kita kat luar, nanti pecah rumah diorang masuk lepas tu curi apa-apa ke..yang tu memang bahaya...”(IPT4)

Manakala informan IPT2 pula melihat dari aspek yang lain, sekiranya ibubapa atau mana-mana pihak berkongsi maklumat anak-anak melalui aplikasi media sosial boleh mendatangkan kepada kes keselamatan kanak-kanak seperti penculikan.

“...gambar sahaja tetapi memang bahaya lah dari bagi.. dari segi baru punya anak-anak kecil yang umurnya belum tahap dewasa sebab banyak kes-kes, kecurian anak dan sebagainya...”(IPT2)

Sehubungan dengan itu, isu-isu seperti diatas akan memberi kesan kepada psikologi pengguna untuk menjauhi diri dari berkongsi atau menghantar apa-apa maklumat melalui aplikasi media sosial. Mereka juga akan merasa tertekan dan menyebabkan tahap penerimaan dan penggunaan aplikasi media sosial akan menurun atau terganggu.

“Oh, kalau keburukan or...orang memantau, terutamanya kamu akan rasa tertekan kerana selalu, ahh...kamu akan rasa tidak suka selalu buka Facebook...” (IPT1)

Oleh itu, kajian ini memberi hasil dapatan yang penting untuk mengetahui tujuan dan implikasi penggunaan aplikasi media sosial dalam kalangan pelajar universiti dari perspektif pengawasan sosial. Kajian sebegini akan memberi implikasi dalam aspek keselamatan Internet, privasi maklumat, kepentingan literasi media dan teknologi baru dalam kalangan pengguna.

Selain itu, penggunaan kaedah kualitatif yang digunakan dapat menjelaskan dengan lebih lanjut kefahaman dan kesedaran pengguna terhadap isu pengawasan melalui aplikasi media sosial yang digunakan dengan meluas di Malaysia. Kajian ini memberi dapatan yang cukup baik dan penting untuk membentuk satu rangka kerja atau membina model untuk mengkaji dalam skop yang lebih besar melalui kaedah kuantitatif pada masa akan datang.

KESIMPULAN

Isu pengawasan melalui aplikasi media merupakan aspek yang perlu diberi perhatian kepada semua pengguna. Pengguna mungkin tidak menyedari wujudnya pengawasan secara digital atau

pengawasan sosial sewaktu mereka berada di dalam sesuatu media sosial untuk berkongsi isi hati, pendapat, ilmu dan sebagainya dengan niat untuk bersosial. Pengguna harus berwaspada dan berhenti seketika untuk dari lamunan kerancakan berinteraksi dan berkomunikasi untuk berfikir sejenak tentang isu ini kerana “CCTV atau kamera bergerak” mungkin digunakan untuk mengawasi atau mendapat maklumat tertentu pada masa kini, kamera ini tidak lagi diletak pada dinding sesebuah bangunan tetapi telah berada pada tangan 1.63 bilion pengguna telefon pintar didunia.

RUJUKAN

- Adam Mahamat Helou & Nor Zairah Ab. Rahim. 2014. The influence of social networking sites on student’s academic performance in Malaysia. *International Journal of Electronic Commerce Studies*. 5(2). 247-254
- Afendi Hamat, Mohamed Amin Embi & Haslinda Abu Hassan. 2012. The use of social sites among malaysian university students. *International Education Studies*, 5(3), 56-62.
- Allmer, T. 2011. Critical surveillance studies in the information society. *triple: Communication, Capitalism & Critique. Open Access Journal for a Global Sustainable Information Society*. 9(2), 566-592.
- Andrews, L. 2011. *I know who you are and I saw what you did: social networks and the death of privacy*. New York: Free Press.
- Castells, M. 2000. *The rise of the network society*. USA: Blackwell Publishers Inc.
- Farrak Dina Yusop & Melati Sumari. 2013. The use of social media technologies among Malaysian youth. *Procedia Social and Behavioral Sciences*. 103. 1204-1209.
- Fuchs, C. 2012. The political economy of privacy on Facebook. *Television & New Media*.13(2), 139-159.
- Goldsmith, J. & Wu, T. *Who controls the Internet?: illusions of a borderless world*. New York: Oxford University Press.
- Marwick, A. E. 2012. The public domain: surveillance in everyday life. *Surveillance & Society*. 9(4), 378-393.
- Zurawski, N. 2005. I know where you live: aspects of watching, surveillance and social control in a conflict zone (Northern Ireland). *Surveillance and Society*. 2 (4). 498-512.

Mohd Azul Mohamad Salleh (PhD) , Ali Salman (PhD) & Nurul Madiha Mohd Ilham
Pusat pengajian media & Komunikasi
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: azul@ukm.edu.my